

Persenda azan: KDN perlu segera lucut kerakyatan Alvin Tan - Dr Najmil
Astro Awani
April 22, 2015
Oleh Wan Syamsul Amly

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kuala Terengganu mendesak Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mengambil tindakan dengan segera melucutkan kerakyatan blogger kontroversi, Alvin Tan yang mempersendakan azan dalam sebuah video di laman Facebooknya.

Ketuanya, Datuk Dr Najmil Faiz Mohamed Aris berkata, tindakan biadab dan kurang ajar itu menimbulkan kemarahan penganut agama Islam sekali gus menyebabkan sensitiviti mengenai kesucian sesebuah agama dipermainkan begitu sahaja.

"Ini bukanlah kali pertama tindakan biadab dan provokasi sebegini diperlakukan oleh Alvin. Dia harus sedar tindakan sebegini boleh menimbulkan berlakunya perbalahan mengenai agama dan bangsa.

"Sepatutnya Alvin menghormati masyarakat negara ini yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama selain harus menghormati terhadap satu sama lain," katanya kepada Astro AWANI di sini hari ini.

Pada Rabu, Alvin sekali lagi mempersendakan Islam menerusi sebuah video memaparkan 'azan' versi R&B di laman Facebooknya.

Video berdurasi 2 minit 50 saat itu mengundang kecaman dan kemarahan masyarakat Islam yang rata-ratanya dari Malaysia dengan menyifatkan sendaan itu sebagai kurang ajar dan biadab.

Jesteru itu kata Dr Najmil, tindakan keras harus dikenakan segera kepada Alvin untuk memastikan perkara itu tidak berulang.

"Jika tidak Alvin akan mengulang kebiadabannya itu kepada isu lain, dia ini patut ditangkap atau dilucut kerakyatan segera.

"Tiada gunanya individu begini untuk negara kita, jika dibiarkan hanya menjadikannya membuat lebih banyak aksi yang menyebabkan kerosakan keharmonian kaum yang terjalin sekian lama," katanya.

Alvin, atau nama sebenarnya Tan Jye Yee, 27, telah melarikan diri dari Malaysia pada September lalu bagi mendapatkan perlindungan politik setelah melakukan pelbagai kenyataan kontroversi yang mampu menjejaskan hubungan antara kaum.

Pada 18 Julai 2013, Tan dan teman wanitanya ketika itu, Vivian Lee, 25, didakwa di

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mengikut Akta Hasutan kerana mempersendakan agama Islam dan bulan Ramadan di laman Facebook mereka.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/persenda-azan-kdn-perlu-segera-lucut-kerakyatan-alvin-tan-dr-najmil-58434>